

'Team Wawasan' tidak pernah wujud — Muhammad

UM 2 JUN 2009

KUALA LUMPUR 21 Jun — Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, "Team Wawasan" yang suatu ketika dikatakan diketuai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim serta 'disertai' beberapa pemimpin kanan parti tidak pernah wujud.

"Mana ada "Team Wawasan".

"Kita sokong (Presiden UMNO) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi... tidak timbul soal "Team Wawasan," katanya ketika melawat bilik operasi *Utusan Malaysia* di aras tiga, Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

"Team Wawasan" dikatakan 'ditubuhkan' oleh Anwar pada 1990-an dengan matlamat untuk menyediakan 'barisan pemimpin pelapis' dan 'anggotanya' terdiri daripada Muhammad, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketiga-tiga mereka kini merupakan penyandang Naib Presiden UMNO.

Muhammad diminta mengulas sama ada "Team Wawasan" yang pernah digembar-gemburkan kewujudannya dahulu, masih ada dan bergiat secara aktif.

Semalam, Muhyiddin meminta ahli UMNO tidak menyamakan beliau dengan Anwar dalam tindak tanduk bersaing merebut jawatan parti.

Tegas Muhyiddin, pendirian beliau untuk tidak mencabar penyandang Timbalan Perdana Menteri bagi jawatan Timbalan Presiden tahun depan, adalah muktamad.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata, kewibawaan seseorang itu bertanding ke jawatan tertentu tidak boleh dikaitkan sama ada mereka pernah menganggotai sesuatu kumpulan.

Merosakkan parti

"Kita ada 'senjata sulit' masing-masing," katanya berseloroh.

Beliau turut menarik perhatian bahawa jalan terbaik untuk mengelakkan perpecahan parti pada pemilihan tahun depan adalah dengan memastikan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingi.

Muhammad berkata, ia perlu bagi mengelakkan parti mengalami perpecahan yang teruk seperti yang berlaku pada 1987.

"Sebelum itu UMNO tidak pernah mengalami perebutan kuasa dan ia hanya bermula pada 1987 apabila Tengku Razaleigh mencabar jawatan Presiden," katanya.

Beliau berkata, keperluan tidak mempertandingkan dua jawatan tertinggi itu penting 'kerana muka-muka tu (pada 1987) masih ada lagi (sekarang)'.
'

Bagi menguatkan hujahnya mengenai kepentingan menjadikan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan, Muhammad berkata:

"Berdasarkan demokrasi (perlembagaan parti) memang boleh bertanding tetapi (kalau ikut) demokrasi Melayu, tak usah bertandinglah sebab saya kkuatir akan ada jawatankuasa bahagian dan cawangan yang akan cuba merosakkan parti nanti."